

## **KEPERLUAN KOMPETENSI GURU TAHFIZ YANG MENGIKUTI KURIKULUM TAHFIZ DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**

**Mohd Fikri Ismail\* & Mohd Faizulamri Mohd Saad**

*Pusat Kajian Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
p97671@siswa.ukm.edu.my\**

### **ABSTRACT**

*The competence of tahfiz teachers is important for the planning and development of human capital resources by focusing on producing competent and competitive students. The formation of people who receive education is the responsibility of teachers, especially tahfiz teachers in educating Islam by adhering to the concept of human excellence and conforming to the National Education Philosophy. However, there are still achievements of students who have not yet achieved the objective of tahfiz education that has been outlined, which is to memorize the Qur'an fluently. In fact, the success of the teaching and learning process in the classroom is completely dependent on the teacher's level of competence. The purpose of this study was to identify the level of competency dimensions of tahfiz teachers and analyze the relationship between the competency dimensions of tahfiz teachers who follow the tahfiz curriculum at the Malaysian Institute of Teacher Education. The design of this study is to descriptively test the results of the study. A quantitative approach in the form of a case study to test the level between teacher competence and a correlation test to test the relationship between the two variables. The findings of the study found the relationship between emotional competence and sociocultural competence showing a high and significant level, the relationship between emotional component and communication competency shows a very high and significant level. The findings of the study also found that socio-cultural competence with communication competence indicating that it was at a very high level of significance. The results of this study found that teachers' competence needs in terms of emotions, ICT and communication are important contributions to the teaching needs of tahfiz teachers in Malaysia.*

**Keywords:** *Teacher Tahfiz, Competence, Curriculum, Malaysian Institute of Teacher Education*

### **ABSTRAK**

Kompetensi guru tahfiz adalah penting untuk perancangan dan pembangunan sumber modal insan dengan memberikan fokus ke arah melahirkan pelajar yang kompeten dan kompetitif. Pembentukan insan yang menerima pendidikan merupakan tanggungjawab guru terutama guru tahfiz dalam mendidik agama Islam dengan mematuhi konsep kecemerlangan insan serta menelepi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namun, masih terdapat pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dimensi kompetensi guru tahfiz dan menganalisis hubungan antara dimensi kompetensi guru tahfiz yang mengikuti kurikulum tahfiz di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Reka bentuk kajian adalah berbentuk kajian kuantitatif yang terdiri daripada Statistik deksriptif dan Statistik inferensi. Edaran *Google form soal selidik* juga di edarkan kepada responden kajian yang terdiri daripada 215 orang guru tahfiz yang terdiri daripada 129 orang lelaki dan 86 orang guru tahfiz perempuan. Responden telah mengikuti Kursus Interim Tahfiz PDPP (Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan) Ambilan Tahun 2020 di bawah seliaan (IPGM) yang telah ditempatkan di sekolah menengah agama aliran tahfiz KPM di seluruh Malaysia. Pendekatan kuantitatif adalah untuk menguji tahap antara kompetensi guru dan ujian korelasi bagi menguji hubungan antara kedua-dua pembolehubah. Dapatkan kajian mendapati hubungan antara

kompetensi emosi dengan kecekapan sosiobudaya pula adalah di tahap yang tinggi dan signifikan, manakala hubungan antara komponen emosi dengan kompetensi komunikasi menunjukkan di tahap amat tinggi dan signifikan. Dapatkan kajian juga mendapat kecekapan sosiobudaya dengan kompetensi komunikasi menunjukkan berada di tahap signifikan yang amat tinggi. Hasil dapatkan kajian ini mendapat keperluan kompetensi guru tafiz dari segi emosi, kecekapan sosiobudaya, komunikasi, ICT dan kurikulum adalah memberi sumbangan penting terhadap keperluan pengajaran guru tafiz di Malaysia.

**Kata Kunci:** Guru Tafiz, Kompetensi, Kurikulum, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

## PENGENALAN

Guru merupakan tunjang dalam pendidikan yang menjadi aset terpenting dalam kemenjadian murid. Dasar pendidikan negara telah banyak memberi pelbagai insentif dalam bidang pendidikan supaya guru dari Institusi Pendidikan Guru Malaysia menjadi pendidik yang berkualiti tinggi. Justeru, guru yang berkompetensi diperlukan dalam menyampaikan isi kandungan pelajar sekaligus membentuk jati diri pelajar itu sendiri. Transformasi individu perlu diberi tumpuan selain kemahiran insaniah terhadap budaya, nilai dan jati diri yang tidak bertentangan dengan norma kehidupan sedia ada (Norziah, 2017). Oleh itu kecemerlangan bukan hanya bertumpu kepada sistem pendidikan tetapi juga kepada hasil pembentukan insan yang menerima pendidikan yang mematuhi konsep kecemerlangan insan serta menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam mendalami agama Islam, Pendidikan al-Quran adalah salah satu bidang teras yang diperlukan di mana Pendidikan al-Quran ini bermula dengan pembelajaran yang paling asas mengenai al-Quran termasuklah dalam mengenal huruf hijaiyah dan menguasai kebolehan mengeja, membaca dan mempelajari hukum tajwid, seterusnya mengkhatamkan al-Quran. Menurut Ismail dan Mohd Poad (2021), tahap awal Pendidikan al-Quran ini merupakan asas utama dalam melaksanakan kaedah mendidik anak-anak mereka di mana terdapat pelbagai aspek teladan yang dapat diaplikasikan termasuklah dari aspek akidah, akhlak, ibadah dan sebagainya. Menurut Ashraf Ismail (2018), hafazan al-Quran pada hakikatnya merupakan suatu usaha periwatan yang paling tinggi daripada kesahihannya.

Menyedari kepentingan tersebut, Pendidikan tafiz al-Quran telah dijadikan sebagai salah satu daripada cabang Pendidikan al-Quran. Bermulanya pembelajaran mengenai Islam dari abad ke 15 hingga ke 17, masyarakat di Tanah Melayu mula mempelajari beberapa perkara asas dalam Islam termasuklah mempelajari cara untuk menulis huruf al-Quran (tulisan jawi), fardhu Ain, Rukun Islam dan juga Rukun Iman. Pendidikan mengenai asas Islam kemudiannya semakin berkembang pada abad ke 18 dengan kedatangan golongan ulama dan pendakwah dari Timur Tengah ke Tanah Melayu (Embong, 2020).

Perkembangan pendidikan tafiz di kebanyakan negeri di Malaysia sangat pesat dengan bertambahnya bilangan sekolah tafiz swasta dan sekolah tafiz rakyat dari hari ke hari (Nawi, Omar, & Nor, 2021). Pada masa kini, pendidikan tafiz merupakan antara salah satu bidang atau cabang pengajian yang semakin berkembang pesat di Malaysia disebabkan kesedaran dan permintaan tinggi dari masyarakat. Ini adalah hasil usaha daripada asas pembangunan dalam bidang tafiz secara formal yang telah diusahakan oleh pihak Kerajaan Pusat sejak tahun 1966 lagi. Bermula dengan penubuhan Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara, Unit Pengajian Menghafaz al-Quran yang dikenali sebagai Ma'had Tahfiz al-Quran wal

Qiraat (MTQ) dan kini digelar sebagai Darul Quran yang menjadi pusat yang aktif dalam menggalakkan pengajaran dan pembelajaran tahfiz dan ilmu-ilmu al-Quran dalam masyarakat sehingga kini (JAKIM, 2019).

Fenomena ini telah membuktikan bahawa kecenderungan dan tahap kesedaran ibu bapa Islam kini semakin meningkat dari masa kemasan walaupun sebahagiannya perlu membelanjakan wang yang banyak untuk membiayai yuran pendidikan tersebut. Sambutan ibu bapa yang amat menggalakkan terhadap Pendidikan tahfiz mendorong mereka memilih institusi-institusi tahfiz swasta bagi memenuhi peluang yang terhad dalam aliran pendidikan tahfiz perdana (Ashraf Ismail 2018). Menurut Haron, Othman dan Awan (2019), ibu bapa telah memilih madrasah tahfiz kerana lebih menjurus kepada '*'Hadaf Ukhrawi'*' iaitu mengutamakan dan memfokuskan kepada matlamat (bekalan) akhirat kelak, hafazan al-quran, disamping beramal dengan ilmu-ilmu lain.

## **PENYATAAN MASALAH**

Objektif penubuhan institusi-institusi tahfiz ini pastinya bertujuan untuk melahirkan huffaz yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran. Sekaligus memelihara kesucian dan kesihihan al-Quranul-karim dan sehingga terbentuk generasi al-Quran yang bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada pembangunan negara dan ummah (Darul Quran 2006) (Darul, 2006). Namun demikian, kajian Mohamed (2021) terhadap penilaian pencapaian pelajar tahfiz telah menegaskan bahawa pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar. Pelajar-pelajar tahfiz juga didapati tidak dapat mencapai pemahaman maksud ayat, hafazan al-Quran dengan mengetahui asbabul nuzul dan hafazan al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Kelancaran hafazan al-Quran juga masih lemah dan dapat dikesan melalui dapatan ujian syafawi.

Zaini et al. (2020) dalam kajian mereka telah mendapati bahawa tahap kompetensi guru sememangnya memainkan peranan yang penting dalam memastikan segala matlamat Pendidikan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dapat dijayakan dengan sepenuhnya. Kepentingan faktor kompetensi ini sangat ketara dalam perlaksanaan dasar yang telah ada ataupun dalam perlaksanaan yang terkini. Hal ini selaras dengan pendapat yang diutarakan oleh Rizkiya dan Supriyanto (2020) di mana keberhasilan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas adalah bergantung sepenuhnya terhadap tahap kompetensi guru.

## **OBJEKTIF**

1. Mengenal pasti tahap dimensi kompetensi guru tahfiz yang mengikuti kurikulum tahfiz di Institut Pendidikan Guru Malaysia
2. Menganalisis hubungan antara dimensi kompetensi guru tahfiz yang mengikuti kurikulum tahfiz di Institut Pendidikan Guru Malaysia

## **SOROTAN KAJIAN**

Kompetensi pada pandangan Zaini et al. (2020) adalah keperluan standard bagi seseorang individu untuk melaksanakan tugas tertentu dengan betul. Ini membayangkan bahawa kecekapan adalah kebolehan untuk memiliki kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang sesuai dan mencukupi untuk menjalankan tugas tertentu. Juga, kecekapan ialah pengetahuan, kemahiran, sikap dan

pertimbangan yang diperlukan oleh seseorang untuk mencapai kejayaan pada kemahiran tertentu dalam mana-mana kerja tertentu (Charles & Akpomi, 2021).

Kajian He et al. (2021) menegaskan bahawa guru yang profesional perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran yang spesifik dalam bidangnya. Dapatkan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Husamah et al. (2022), yang turut menegaskan bahawa tugas guru masa kini tidak setakat mengajar sahaja malah meliputi aspek pengurusan misalnya mengendalikan rekod pelajar, kutipan yuran, skim pinjaman buku teks, kedatangan pelajar dan laporan prestasi pelajar. Di samping itu, guru juga mempunyai tugas dalam panitia mata pelajaran masing masing untuk menyebar dan memantau pelaksanaan kurikulum dan sukanan pelajaran. Selain itu guru turut terlibat dalam melaksanakan ko-kurikulum sekolah, menghadiri kursus, menjalankan penyelidikan dan lain-lain lagi. Semua tugas yang banyak ini memaksa guru menumpukan perhatian masa dan tenaga kepada pelbagai jenis komitmen yang boleh menjasarkan pengajaran serta peningkatan profesionalisme.

Isyanov et al. (2020) menjelaskan kompetensi mengenai ICT merupakan kompetensi terkini yang diperlukan oleh warga pendidik termasuk Pelan Transformasi ICT 2019-2023 oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ia diperlukan bagi menyokong sistem pendidikan secara keseluruhan dan pihak berkepentingan. Berdasarkan kepelbagaiannya elemen kompetensi maka jelas menunjukkan bahawa penambahbaikan standard profesional guru dari masa ke semasa perlu dilakukan.

Kompetensi bidang adalah bidang utama kompetensi guru yang merangkumi kajian akademik tentang kandungan. Kecekapan bidang adalah yang diperlukan oleh guru untuk menjalankan profesion mereka. Ia merupakan kompetensi guru berkenaan dengan mata pelajaran yang akan diajar oleh guru atau pelajar akan belajar. Dahulu, kompetensi bidang dianggap sebagai bidang kompetensi terpenting berdasarkan konsep bahawa guru sahaja yang bertanggungjawab dalam menyampaikan kandungan. Konsep orang yang tahu mengajar dan guru adalah bertanggungjawab daripada pembelajaran di dalam bilik darjah berubah mengikut peredaran masa. Dalam konteks perubahan ini, kepentingan yang diberikan kepada kompetensi bidang guru merosot akibat daripada perubahan peranan guru sebagai bukannya mengantar kandungan tetapi menjadi fasilitator yang membolehkan pelajar berinteraksi dengan kandungan.

Kompetensi Penyelidikan merangkumi kecekapan kaedah dan teknik penyelidikan, mereka bentuk dan menjalankan penyelidikan dalam bidang guru. Mereka menyokong kerjasama dengan rakan sekerja dan pakar lain atau orang yang berminat dalam kajian kurikulum dan pendidikan. Kompetensi penyelidikan sangat berpengaruh kepada guru dalam mengikuti perkembangan dalam bidang mereka dan mengembangkan diri berdasarkan perkembangan tersebut. Selain itu, kompetensi penyelidikan guru adalah sangat penting bagi pelajar dalam memperoleh pemikiran saintifik dan kemahiran proses saintifik. Kompetensi penyelidikan membantu meningkatkan semua kompetensi guru dan juga menyokong pendidikan guru berasaskan penyelidikan yang merupakan pendekatan baharu dalam pendidikan guru He et al. (2021).

Aktiviti pembelajaran sepanjang hayat melalui seluruh kehidupan yang berterusan antara individu dan dunia memadangkan pendidik perlu melihat masa depan untuk menentukan apa yang patut dilakukan untuk menjadi relevan dan berkhidmat kepada masyarakat pada masa hadapan. (Ally, 2019). Kompetensi pembelajaran sepanjang hayat termasuk kebolehan belajar

untuk belajar, dan tanggungjawab guru terhadap pembangunan profesional mereka sendiri. Kompetensi pembelajaran sepanjang hayat berkaitan dengan kemampuan belajar dan kemahiran menggunakan cara atau alat pembelajaran untuk meningkatkan pembelajaran sepanjang hayat manusia. Sepanjang hayat merujuk kepada tanggungjawab guru untuk pembelajaran mereka sendiri dan pembangunan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat untuk pelajar. Ini bermakna pembelajaran sepanjang hayat merangkumi dua kebolehan utama. Yang pertama berkaitan dengan keupayaan pembelajaran sepanjang hayat guru sendiri dan yang kedua berkaitan dengan tanggungjawab guru untuk membangunkan kebolehan sepanjang hayat pelajar.

Kompetensi Emosi terdiri daripada nilai guru dan pelajar, akhlak, kepercayaan, sikap, keimbangan, motivasi, empati dan sebagainya. Ia berkaitan dengan pelaksanaan perundingan psikologi dan kurikulum bimbingan di sekolah. Kecekapan emosi guru boleh membantu pelajar untuk belajar dan kesediaan pelajar untuk belajar boleh ditingkatkan jika guru tahu bagaimana untuk meningkatkan dimensi emosi pembelajaran pelajar. Kecekapan emosi juga membantu guru menjadi guru yang berkesan sambil memantau pembelajaran pelajar. Pembelajaran memerlukan sokongan emosi yang mewujudkan perasaan positif untuk proses pembelajaran-pengajaran. Guru menjadi perunding pembelajaran dan mentor tentang pembelajaran untuk pelajar mereka.

Kecekapan sosial budaya termasuk pengetahuan tentang latar belakang sosial budaya pelajar dan guru, nilai tempatan, kebangsaan dan antarabangsa, isu demokrasi dan hak asasi manusia, kerja berpasukan dan kerjasama dengan orang lain, dan kajian sosial. Kesemuanya memberi kebebasan kepada pelajar dan guru dalam proses pembelajaran-pengajaran dan juga menggalakkan pembelajaran. Individu menjadi makhluk sosial dan budaya dalam kehidupan sosial. Oleh itu, terdapat hubungan yang kuat antara pembelajaran dan latar belakang sosial budaya pelajar. Beberapa teori pembelajaran membincangkan pembelajaran sebagai konteks sosial budaya dan kecekapan sosial budaya guru boleh menggalakkan pembelajaran pelajar. Pendekatan humanistik dan teori sosial boleh diperaktikkan dalam bilik darjah melalui kecekapan sosial budaya guru.

Kecekapan komunikasi merangkumi model komunikasi, interaksi dalam kalangan guru, pelajar, persekitaran sosial dan topik pembelajaran. Guru juga mempunyai kecekapan dalam menggunakan bahasa lisan, badan dan profesional dalam bidang mereka. Kecekapan komunikasi termasuk suara, bahasa badan dan perkataan seperti bercakap, menyanyi dan kadangkala nada suara, bahasa isyarat, *paralanguage*, sentuhan, hubungan mata, atau penggunaan tulisan. Ia termasuk kemahiran komunikasi dalam pemprosesan intrapersonal dan interpersonal, mendengar, memerhati, bertutur, menyoal, menganalisis, dan menilai.

Kecekapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi-ICT adalah berdasarkan penggunaan alat dan peralatan teknikal untuk mencapai, membangun dan memindahkan pengetahuan. Ia termasuk sebarang teknologi yang membantu menghasilkan, memanipulasi, menyimpan, berkomunikasi dan/ atau menyebarkan maklumat (Ally, 2019). Kecekapan ICT berkenaan dengan penggunaan teknologi dalam mengurus dan memproses maklumat termasuk semua teknologi untuk manipulasi dan komunikasi maklumat. Ini bermakna kompetensi ICT amat penting untuk meningkatkan komunikasi dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Kompetensi Alam Sekitar boleh ditakrifkan sebagai kecekapan untuk keselamatan ekologi dan alam sekitar. Husamah et al. (2022) menjelaskan bahawa aspek ekologi/ persekitaran merupakan dimensi pembangunan lestari guru. Pengetahuan, sikap dan kemahiran mengenai

sistem dan alam sekitar ekologi seperti menjaga kebersihan dan persekitaran yang sedia ada, pengurusan sumber ekologi, menyedari ekosistem, penggunaan sumber asli yang boleh dilaksanakan, ketersediaan sumber asli sebagai kecekapan alam sekitar.

## METODOLOGI KAJIAN

Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik serta aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajianya. Pendekatan kajian ini menggunakan kajian kuatitatif. Penggunaan skala likert dengan nilai mata lima (5) sebagai pengukuran tahap persetujuan responden di dalam *Google Form borang soal selidik* yang di edarkan kepada responden kajian seramai 215 orang guru tahniz yang terlibat. Kajian ini juga menggunakan analisis ujian Statistik dekripsi dan Statistik inferensi untuk menguji tahap antara kompotensi guru dan ujian korelasi bagi menguji hubungan antara kedua-dua pembolehubah.

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Demografi responden kajian ini merangkumi lima (5) aspek iaitu, jantina, umur, pengalaman mengajar, akademik dan ikhtisas. Jantina lelaki sebanyak 129 responden (60.0%) dan perempuan 86 responden (40.0%). Responden yang berumur kurang 25 tahun sebanyak 115 (53.5%), 25 hingga 35 tahun 94 responden (43.7%) dan 35 hingga 45 tahun hanya 6 responden (2.8%). Seterusnya, pengalaman mengajar guru 1 hingga 3 tahun sebanyak 93 responden (43.3%) dan 4 hingga 6 tahun 122 responden (56.7%). Dari segi akademik pula yang mempunyai Sijil/ STPM/ Diploma sebanyak 125 responden (58.1%) dan Ijazah Sarjana Muda 90 responden (41.9%). Bagi Ikhtisas pula yang mempunyai Diploma Pendidikan 130 responden (60.5%), KPLI 50 responden (23.3%) dan Sijil Perguruan 35 responden (16.3%). Perincian seperti Jadual 1.

Jadual 1: Demografi

Pembolehubah		Bil (N)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	129	60.0%
	Perempuan	86	40.0%
Umur	Kurang daripada 25 tahun	115	53.5%
	25 hingga 35 tahun	94	43.7%
	35 hingga 45 tahun	6	2.8%
Pengalaman Mengajar	1 hingga 3 tahun	93	43.3%
	4 hingga 6 tahun	122	56.7%
Akademik	Sijil/STPM/Diploma	125	58.1%
	Ijazah Sarjana Muda	90	41.9%
Ikhtisas	Diploma Pendidikan	130	60.5%
	KPLI	50	23.3%
	Sijil Perguruan	35	16.3%

### **Statistik Deskriptif Kompetensi Guru Tahfiz**

Untuk menentukan secara Statistik deskriptif, interpretasi min dengan menentukan tahap menggunakan min dan sisihan piaui. Dapatkan kajian ini diukur dengan nilai min pada tahap tinggi (5.00-3.67), tahap sederhana (2.67-3.66) dan tahap rendah (1.00-2.66).

<b>Nilai Min</b>	<b>Tahap</b>
5.00-3.67	Tinggi
2.67-3.66	Sederhana
1.00-2.66	Rendah

*Pallant (2010)*

Dapatkan kajian dalam Jadual 2 mendapat terdapat lima dimensi dalam kompetensi guru tahfiz yang dikaji iaitu, kompetensi kurikulum, kompetensi Emosi, Kecekapan Sosiobudaya, Kompetensi Komunikasi dan Kompetensi ICT.

Dapatkan kajian mendapat nilai skor min yang tertinggi dalam dimensi ini adalah Kompetensi Emosi nilai Min M=4.29, SD=.525, diikuti dengan Kecekapan Sosiobudaya nilai min M=4.11, SD=.477, Kompetensi Komunikasi nilai min M=4.03, SD=.531, Kompetensi ICT nilai min M=3.90, SD=.611 dan Kompetensi Kurikulum nilai min M=3.84, SD=.658. Oleh itu dapatkan kajian ini menunjukkan kompetensi emosi berada di tahap yang tinggi berbanding dengan dimensi kompetensi yang lain. Hal ini menunjukkan kompetensi emosi merupakan faktor utama menyumbang kepada kompetensi guru.

Jadual 2: Dimensi Kompetensi

<b>Dimensi Kompetensi</b>	<b>Min (M)</b>	<b>Sisihan Piawai (SP)</b>
Kompetensi Kurikulum	3.84	.658
Kompetensi Emosi	4.29	.525
Kecekapan Sosiobudaya	4.11	.477
Kompetensi Komunikasi	4.03	.531
Kompetensi ICT	3.90	.611

Dapatkan kajian ini dianalisis mengikut pengukuran pekali korelasi Skala Davies (1971) bagi menentukan kekuatan hubungan antara boleh ubah. Taksiran Pekali Korelasi Skala Davies (1971) diukur dalam ujian korelasi pearson. Perincian seperti Jadual 3.

Jadual 3: Pekali Korelasi Skala Davies (1971)

<b>No</b>	<b>Julat Min</b>	<b>Tahap Kekuatan</b>
1.	0.70 hingga 1.00	Amat Tinggi
2.	0.50 hingga 0.69	Tinggi
3.	0.30 hingga 0.49	Sederhana Tinggi
4.	0.10 hingga 0.29	Rendah
5.	0.01 hingga 0.09	Diabaikan

Adaptasi daripada Skala Davies (1971) dalam Teh & Embi (2009)

### Statistik Inferensi Kompetensi Guru Tahfiz

Seterusnya, dapatkan kajian ini mendapati bahawa hubungan antara hubungan antara kompetensi kurikulum dengan kompetensi emosi dengan nilai korelasi  $r = .305^{**}$ ,  $\text{Sig } p = .000$  menunjukkan signifikan ditahap yang sederhana tinggi. Hubungan antara Komptensi Kurikulum dengan Kecekapan Sosiobudaya  $r = .104$ ,  $\text{Sig } p = .128$ , hubungan antara kompetensi kurikulum dengan kompetensi komunikasi  $r = .077$ ,  $\text{Sig } p = .260$ , dan Kompetensi Kurikulum dengan Kompetensi ICT  $r = .027$ ,  $\text{Sig. } p = .692$  yang menunjukkan ditahap rendah dan tidak signifikan

Hubungan antara Kompetensi Emosi dengan Kecekapan Sosiobudaya pula adalah nilai korelasi  $r = .699^{**}$ ,  $\text{Sig } p = .000$  menunjukkan ditahap yang tinggi dan signifikan, hubungan antara Komponen Emosi dengan Komponentensi Komunikasi  $.728^{**}$   $\text{Sig. } p = .000$  menunjukkan ditahap amat tinggi dan signifikan.

Dapatkan kajian menunjukkan Kecekapan Sosiobudaya dengan Kompotensi Komunikasi menunjukkan nilai  $r = .917^{**}$ ,  $\text{Sig } p = .000$  menunjukkan berada di tahap signifikan yang amat tinggi manakala hubungan kecekapan sosiobudaya dengan kompetensi ICT adalah  $r = .202^{**}$ ,  $\text{Sig } p = .000$  ditahap signifikan rendah. Perincian seperti Jadual 4.

Jadual 4: Pekali Korelasi Skala Davies (1971)

		Correlations				
		Kompetensi Kurikulum	Kompetensi Emosi	Kecekapan Sosiobudaya	Kompetensi Komunikasi	Kompetensi ICT
Kompetensi Kurikulum	Pearson Correlation	1	.305	.104	.077	.027
	Sig. (2-tailed)		.000	.128	.260	.692
	N	215	215	215	215	215
Kompetensi Emosi	Pearson Correlation	.305	1	.699	.728	-.083
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000	.226
	N	215	215	215	215	215
Kecekapan Sosiobudaya	Pearson Correlation	.104	.699	1	.917	-.202
	Sig. (2-tailed)	.128	.000		.000	.003
	N	215	215	215	215	215
Kompetensi Komunikasi	Pearson Correlation	.077	.728	.917	1	-.306
	Sig. (2-tailed)	.260	.000	.000		.000
	N	215	215	215	215	215
Kompetensi ICT	Pearson Correlation	.027	-.083	-.202	-.306	1
	Sig. (2-tailed)	.692	.226	.003	.000	
	N	215	215	215	215	215

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

## KESIMPULAN

Analisis daptan kajian ini mendapati bahawa majoriti responden kajian ini adalah lelaki yang terlibat. Kebanyakan responden ini berumur kurang 25 tahun dan mempunyai pengalaman lebih 4 tahun serta mempunyai diploma perguruan. Data dianalisis secara Statistik deskriptif dan analisis Statistik inferensi, penentuan tahap bagi kompetensi guru adalah tinggi. Dimensi yang paling menyumbang kepada faktor kompetensi guru tahfiz adalah kompetensi emosi, diikuti dengan kecekapan sosiobudaya dan komunikasi. Selain itu, hubungan yang paling tinggi antara dimensi adalah kompetensi ICT dan kompetensi kurikulum. Dapatkan ini diuji dengan Pekali Kolerasi Skala Davies (1971) dalam Teh & Embi (2009) yang menunjukkan signifikan data dan berada pada tahap yang tinggi, antara Kompetensi Emosi dengan Kompetensi Komunikasi manakala hubungan Kecekapan Sosiobudaya dengan Kompetensi ICT di tahap signifikan rendah.

Sehubungan itu, guru adalah untuk peneguhan kepada sistem pendidikan. Guru adalah pelaksana segala dasar dan matlamat kurikulum yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Penglibatan guru adalah penting dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran untuk anak bangsa. Demikian juga, sokongan guru tahfiz terhadap pendidikan negara penting demi kelestarian pendidikan. Emosi guru tahfiz juga mempengaruhi komitmen guru dan bukan hanya sekadar itu, malah pengetahuan guru tahfiz dalam kurikulum serta dasar pendidikan negara perlu sentiasa dihayati oleh guru tahfiz bagi melahirkan anak didik yang berpengetahuan kelas pertama di seluruh dunia serta memberi impak yang besar kepada pendidikan negara Malaysia tercinta.

## RUJUKAN

- Ally, M. (2019). Competency Profile of the Digital and Online Teacher in Future Education. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*.
- Ashraf, I. (2018). *Amalan pengajaran pensyarah tahfiz di maahad tahfiz al-Quran kelolaan JAKIM*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Charles, H., & Akpomi, M. E. (2021). Assessment of teachers' competence in pedagogy for improved teaching of business studies in secondary schools in port harcourt metropolis. *International Journal of Modern Innovation and Knowledge*.
- Darul, Q. (2006). *Sejarah Darul Quran*. Retrieved from Bahagian Perhubungan Darul Quran JAKIM.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary survey analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Farhan, M. P., & Saayah, I. (2021). Pembentukan Generasi Al-Fateh Berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah. *ZULFAQAR Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*.
- Haron, Z., Othman, K., & Awang, M. I. (2019). Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research Vol. 1*.
- Husamah, H., Suwono, H., Nur, H., & Dharmawan, A. (2022). Action competencies for sustainability and its implications to environmental education for prospective science teachers: A systematic literature review. *EURASIA Journal of Mathematics, Science and Technology Education*.
- Isyanov, R., Rustamov, K., Rustamova, N., & Sharifhodjaeva, H. (2020). Formation of ICT Competence of Future Teachers in the Classes of General Physics. *Journal of Critical Reviews*.

- Masri, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Nawi, Z., Omar, R., & Nor, A. (2021). Sistem Pendidikan Tahfiz di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan. *Asian People Journal*.
- Norziah, O., Effandi, Z., & Zanaton, I. (2017). *Nilai dalam pengajaran dan Pembelajaran Matematik di Institusi Pengajian Tinggi*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teh, K. S., & Embi, M. A. (2009). Kolerasi Strategi dengan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*.
- Zaini, A. R., Zakaria, N. S., Ismail, M. R., & Mohd Redzauddin Ghazali, H. H. (2020). Kompetensi Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.